# Selangor Kini

PERCUMA
13 - 20 Jun 2014
15 - 22 Syaaban 1435


**Dialog Belanjawan 2015**
**Rangkaian Zon Industri Khas pacu Selangor**

muka 2-6

**Khidmat kaunseling percuma untuk rakyat Selangor**

muka 7








**AL-FATIHAH...**

**Kira-kira 5,000 jemaah hadir menunaikan solat jenazah Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Allahyarham Ustaz Ahmad Mustafa Mohd Sidin, yang meninggal dunia di Institut Jantung Negara (IJN) pada 10 Jun lepas. Solat jenazah dipimpin bekas Imam Besar Masjid Negeri, Othman Hamzah. Turut serta dalam solat itu Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Exco dan pimpinan Kerajaan Negeri serta orang ramai**

Gambar oleh Asrie Sapfie

## El Nino: Tiada catuan air

**SHAH ALAM -** Persiapan dan perancangan rapi sudah dibuat bagi memastikan bekalan air mampu mengharungi fenomena El Nino.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata sebanyak 20 pam didirikan di sembilan tasik di Bestari Jaya dan Serendah, untuk mengepam 800 juta air liter sehari daripada Sungai Tinggi dan Sungai Selangor.

Air yang dipam akan disimpan di dalam sembilan tasik itu, untuk disalurkan semula ke sungai apabila paras air menurun di kala musim kering yang dijangka berlarutan sehingga tiga bulan.

**lihat muka 2 >>**

Rundingan penstrukturan air hampir SELESAI

# Puncak Niaga setuju terima tawaran Kerajaan Negeri

**SYARIKAT** Puncak Niaga Holdings Bhd (Puncak Niaga), yang dimiliki Tan Sri Rozali Ismail, akhirnya bersetuju menerima tawaran ambil alih daripada Kerajaan Negeri seraya membuka laluan kepada penyelesaian penstrukturan industri air Selangor.

Pengambilalihan itu melibatkan 100 peratus pegangan saham Puncak Niaga dalam konsesi Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNSB) dan 70 peratus saham dalam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas).

Memuktamadkan pengambilalihan ini bagaimanapun tertakluk kepada kesepakatan pemegang saham Puncak Niaga dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) yang akan diadakan dalam masa terdekat, tetapi Rozali memaklumkan Lembaga Pengarah Puncak Niaga bahawa beliau akan menggunakan pegangan sahamnya dalam Puncak Niaga (41.3 peratus) bagi menyokong pengambilalihan itu.

"Penerimaan tawaran pengambilalihan ini adalah susulan rayuan yang dibuat Puncak Niaga kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili) pada 15 Mei 2014 bagi menangguhkan penguatkuasaan Seksyen 114 Akta Perkhidmatan Industri Air (WSIA) 2006," jelas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Sebelum ini, Puncak Niaga tidak mahu beralah sehingga diancam dengan pengambilalihan wajib di bawah Seksyen 114 WSIA.

Seiring dengan penerimaan tawaran itu, anak syarikat Kerajaan Negeri, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) diarah mengambil alih kesemua ekuiti, aset dan liabiliti Puncak Niaga dalam PNSB dan Syabas, kecuali mana-mana usaha niaga, aset dan liabiliti PNSB yang tidak berkaitan dengan urusan air.

Usaha ini sahaja memakan RM5.59 bilion daripada RM9.65 bilion yang ditawarkan kepada PNSB, Syabas, Konsortium Abbas Sdn Bhd dan Syarikat Pengeluar Air Selangor (Splash).

"Usaha menggabungkan industri air di Selangor secara bersepadu hampir menjadi kenyataan dan kerana itu, Kerajaan Negeri akan memenuhi komitmen untuk memudahkan pelaksanaan projek Langat 2 seperti yang dipersetujui menerusi Perjanjian Persefahaman (MoU) Air yang dimeterai antara kerajaan Selangor dan Persekutuan pada Februari 2014," tegas Abdul Khalid.

**lihat muka 2 >>**

# Nilai Pembangunan Kasar Selangor RM40 bilion 5 tahun akan datang

**SHAH ALAM -** Dalam tempoh lima tahun akan datang, Selangor akan membawa projek pembangunan perumahan dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) melebihi RM40 bilion.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata projek pembangunan itu sudah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).

"Jika ada pembangunan yang banyak itu, saya berharap semua pihak bersedia untuk terima jumlah pembangunan itu," katanya ketika membentangkan rumusan Majlis Dialog Belanjawan negeri 2015, di Pusat Konvensyen Shah Alam, baru-baru ini.

Abdul Khalid berkata kerancakan itu membawa kesan positif kepada kesejahteraan Selangor, namun pihaknya tetap prihatin dengan kesan negatif pembangunan seperti itu, antaranya kepadatan penduduk yang melampau dan masalah kemudahan serta prasarana.

"Kita akan cuba menyelesaikan masalah ini. Oleh itu, kita akan memberi penerangan kepada semua pihak supaya mereka memahami dan menerima perancangan yang akan dilakukan.

"Kerajaan Negeri mesti memberikan kemudahan pengangkutan, air dan elektrik. Kita juga akan menerangkan hal ini kepada semua pihak mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Khalid menyambut baik keterbukaan PBT untuk menyeragamkan permohonan kebenaran merancang itu, dan kesediaan membenarkan pemaju membentangkan rancangan pembangunan masing-masing.

"Selangor perlu bersedia untuk membenarkan pemaju membentangkan perancangan mereka secara terbuka, dan melihat kesannya kepada pembangunan di setiap PBT," katanya.




LAPORAN OLEH
NAEEM RAFFI, HAFIZAN TAIB, AFEEQA AFEERA, NORHAYATI UMOR,
FOTO OLEH
REMY ARIFFIN, ASRI SAPFIE & SHUAIB AYOB

<< dari muka depan

## Saham air selepas penstrukturan

Kerajaan Persekutuan pada Januari 2008 mahu menyerahkan industri air kepada Kerajaan Negeri, namun membuat 'u-turn' selepas Pakatan Rakyat (PR) menang di Selangor pada PRU12 bulan Mac tahun yang sama.

Justeru, Abdul Khalid tidak membenarkan projek Langat 2 yang tertangguh sejak 1999 diteruskan sehingga Kerajaan Persekutuan bersetuju menyerahkan industri air kepada Kerajaan Negeri.

Ketegasan ini membawa kepada pemeteraian MoU pada Februari 2014. Dalam MoU itu, Putrajaya komited untuk membantu Shah Alam memiliki industri air Selangor, dan Shah Alam akan membenarkan projek Langat 2 disiapkan.

Abdul Khalid berkata, Kerajaan Negeri akan memulakan proses menawarkan saham air kepada rakyat Selangor yang layak sebaik sahaja pengambilalihan ini selesai sepenuhnya.

## Rakyat perlu bantu jimat air

"Dengan perancangan yang ada ini, Kerajaan Selangor yakin kita boleh menghadapi musim kering kesan daripada fenomena El Nino dan setakat ini kita tidak ada rancangan untuk membuat catuan semula," tegas Abdul Khalid.

Pada masa sama, pensampelan kualiti air kolam akan diteruskan dengan kekerapan yang lebih bagi memastikan air mentah mematuhi piawaian yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pada pensampelan terakhir pada 20 Mei lalu, air kolam-kolam ini mengikut piawaian yang ditetapkan.

Sementara itu, Kerajaan Negeri akan berusaha menambahkan sumber air alternatif bagi menghadapi sebarang kecemasan, antaranya meneroka sumber air bawah tanah.

Operasi pembenihan awam juga akan terus dilakukan bagi meningkatkan kadar hujan di kawasan empangan.

Setakat ini, sebanyak 37 operasi pembenihan awam telah dijalankan melibatkan kepakaran Biro Penerbangan Pertanian dan Penghasilan Hujan Diraja Thailand.

"Walaupun kadar hujan yang diterima di kawasan empangan sedikit, namun melalui kerjasama dengan biro tersebut, meningkatkan keberkesanan kadar hujan diterima.

"Justeru, kita sedang berusaha untuk dapatkan khidmat mereka untuk tempoh yang lebih panjang bagi menjalankan pembenihan awan sepanjang musim kering ini seperti yang mereka lakukan di Utara Thailand," jelas beliau.

Di pihak pengguna pula, Kerajaan Negeri menyeru rakyat Selangor mengamalkan penjimatan air pada setiap masa. Lembaga Urus Air Selangor (Luas) akan mengadakan seminar menerangkan persiapan dan perancangan menghadapi El Nino pada 18 Jun depan.

"Kita akan menjemput Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Penghulu, Ketua Kampung dan Ketua Komuniti supaya maklumat ini dapat disampaikan kepada rakyat di semua peringkat," kata Abdul Khalid.



# 3 teras Belanjawan 2015 ke arah negeri perbandaran

**KERAJAAN** Negeri memfokuskan tiga teras utama dalam rancangan Belanjawan Negeri 2015 yang dijangka akan dibentangkan November depan.

Tiga teras itu adalah: 1) menambah hasil dan pendapatan negeri, 2) penggunaan dana negeri sebaik mungkin, serta 3) rancangan menjadikan Selangor negeri perbandaran.

Mengulas teras ketiga, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata rancangan itu merangkumi sistem pengangkutan, sistem jalan raya dan penambah baik pertanian dalam bandar dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Kita akan berusaha meningkatkan pertanian di kawasan bandar yang kini hanya menyumbang kurang dua peratus kepada tujuh hingga sepuluh peratus.

"Perjumpaan (untuk membentangkan belanjawan) ini bukan sahaja dibuat hari ini (9 Jun), tetapi kita akan turun ke setiap daerah di pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk adakah perjumpaan dengan masyarakat.

"Kita akan dapat maklumat dan cadangan yang perlu daripada rakyat Selangor untuk pembangunan di negeri ini," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Majlis Dialog Belanjawan 2015 Negeri Selangor di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC).

Majlis dialog yang berlangsung selama dua hari itu menampilkan pakar daripada pelbagai bidang untuk membentangkan kajian mereka dan dipantau oleh Exco berkenaan.

Selain dari pertanian bandar, jalanraya dan pengangkutan, Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan kepada pembinaan rumah mampu milik di setiap daerah.






LAPORAN OLEH
NAEEM RAFFI, HAFIZAN TAIB, AFEEQA AFEERA, NORHAYATI UMOR,
FOTO OLEH
REMY ARIFFIN, ASRI SAPFIE & SHUAIB AYOB

# Rangkaian Zon Industri Khas pacu Selangor




**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan rangkaian zon-zon industri khas atau 'Special Industrial Zone' (SIZ) bagi memacu ekonomi Selangor ke posisi yang lebih membanggakan.

Berkonsepkan komuniti berpagar dan berpengawal, setiap zon dirancang dengan sistem jalan raya yang baik, lengkap dengan kemudahan berpusat seperti asrama pekerja, kawasan rekreasi dan kawasan komersil meliputi seluas 200 ekar.

Ketua Pegawai Eksekutif Selangor State Investment Centre Berhad (SSIC), Hassan Azhari Idris, berkata seiring dengan pembangunan rangkaian SIZ adalah insentif kepada pemaju dan pelabur yang direka bagi memudahkan usaha niaga.

"Kita cadangkan supaya kadar premium dan cukai taksiran untuk industri di dalam SIZ ini dikurangkan (30%-50%) kerana ia diurus syarikat pengurusannya sendiri dan tidak lagi diselenggara oleh PBT.

"Ia sekaligus membolehkan pemaju menawarkan harga lot yang lebih kompetitif kepada pelabur," jelasnya.

Mengulas lanjut, Hassan berkata SIZ ini akan diurus oleh pihak pengurusan pemaju di bawah seliaan Pihak Berkuasa Khas.

"Sebagai contoh, kita mempunyai 10 SIZ yang diurus oleh 10 syarikat pengurusan masing-masing. Maka kesemua itu di bawah kuasa dan pentadbiran Pihak Berkuasa Khas," jelasnya.

Manakala Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan; Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong, berkata satu Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan bagi memantau pembangunan zon-zon industri pintar itu.

Katanya, Jawatankuasa itu akan dipengerusikan Menteri Besar dan turut dibarisi agensi berkaitan seperti UPEN, PTG, PTD, PBT, MIDA.

"Saya yakin, SZI akan menarik pelabur baru selain mengalakkan pengembangan pelaburan di negeri ini," jelasnya.

Sementara itu Ijok, Hulu Selangor, Bukit Beruntung dan Kuala Langat dijangka menarik pelaburan daripada negara matahari terbit melalui rancangan Taman Industri Jepun.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata Kerajaan Negeri berharap rancangan itu akan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, dan mengangkat daya ekonomi di kawasan-kawasan itu.

"Kita harap untuk membuka industri ini di tempat yang lebih jauh dari kawasan yang sedang membangun," katanya.

## INSENTIF

- Kadar premium yang rendah sekitar 30-50 peratus
- Kadar cukai taksiran yang rendah 30-50 peratus
- Fast Track Approval menerusi PBT atau PBT Khas bagi SIZ
- Pembangunan lot individu dalam SIZ hanya perlu kemukakan Pelan Bangunan sahaja (Kelulusan berdasarkan Master Plan)

## SYARAT-SYARAT

- Menepati ciri-ciri konsep pembangunan SIZ
- Berkeluasan 200 ekar (minimum)
- Pemaju perlu tubuhkan syarikat pengurusan
- Penjualan lot-lot industri terus kepada pelabur (End User)
- Pembeli disyaratkan mengemukakan pelan pembangunan dalam tempoh setahun
- Sebarang penjualan atau penyewaan perlu dapat kelulusan Jawatankuasa Khas Pembangunan SIZ peringkat negeri.



Atas: Pemancar telekomunikasi lama
Kanan: Pemancar telekomunikasi ditanam dalam tiang lampu

# Sistem 4G tingkat rangkaian WiFI Selangor

**SHAH ALAM** - Aliran maklumat yang pantas di hujung jari pengguna dan pelabur penting bagi memacu pembangunan Selangor.

Elemen ini penting supaya pengguna dan pelabur mampu respon kepada perkembangan semasa dan keputusan dapat dibuat secara 'real time'.

Menyedari hal itu, Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi, berkata Kerajaan Negeri bercadang membangunkan prasarana telekomunikasi 'Optical Distributed Antenna System' bagi memenuhi keperluan itu.

Sistem ini akan melebarkan perkhidmatan data komunikasi tanpa wayar kepada piawaian generasi keempat (4G) evolusi jangka panjang (LTE), serta liputan kamera litar tertutup (CCTV) bagi membanteras jenayah.

"Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) selaku pengawal selia akan mengariskan satu dasar tertentu yang akan dibentangkan kelak. Selain memperhebat perkhidmatan WiFI percuma, CCTV ini juga berperanan menjayakan hasrat Selangor menjadi bandar selamat, yang mana segala polisi dan penggunaan berkenaan akan beri manfaat kepada rakyat," kata Dr Daroyah.

Dengan kelajuan 10 kali ganda daripada teknologi 3G, LTE menambahbaik rangkaian GSM/UMTS dan CDMA2000, dan dijangka menjadi standard peranti mudah alih sedunia dalam masa terdekat.

Teknologi 4G direka untuk memberikan IP berasaskan suara, data dan multimedia streaming pada kelajuan sekurang-kurangnya 100 Mbit sesaat dan sehingga 1 Gbit sesaat.

Di samping itu, alat pemancar teknologi ini akan dibina di dalam tiang lampu menggantikan menara-menara pokok tipu sedia ada.

"Jika cadangan itu dilaksanakan, Kerajaan Negeri akan peroleh pendapatan sewa tapak telekomunikasi daripada syarikat telekomonikasi yang dijangka berbilion ringgit, manakala PBT dan masjid juga akan terima pendapatan daripada pembinaan struktur itu," katanya.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata rancangan ini akan dibentangkan kepada Ahli-Ahli Parlimen dan Adun dalam tempoh terdekat.

"Sekiranya ia dilaksanakan, ia akan memberi perkhidmatan Wifi percuma kepada rakyat Selangor termasuk CCTV," katanya.

# Liku perjuangan hak air kepada rakyat

Selangorkini EDITORIAL

El Nino datang lagi.

Datang ketika rakyat Selangor, juga negeri-negeri lain belum melupakan sepenuh kepayahan hidup akibat catuan air yang terpaksa.

Tempoh tiga bulan fenomena itu yang dijangka berakhir November ini, cukup untuk menjejaskan paras air empangan yang belumpun penuh seratus-peratus.

Namun, ia bukan alasan untuk mengadakan catuan air semula. Kecuali benar-benar tiada pilihan selepas segala macam usaha digerakkan sekudrat daya.

Lagipun, Selangor memiliki 20 pam di sembilan kolam sumber air yang berkemampuan menyediakan 800 juta liter air mentah sehari (JLH).

Ia membolehkan pengeluaran air mentah dari Sungai Selangor diminimum, sekaligus bekalan air terawat di Loji Sungai Selangor Fasa 1,2 dan 3 disalur seperti biasa.

Bukan itu sahaja. Sumber air bawah tanah juga diusaha sebagai pelan alternatif.

Malah, 37 operasi pembenihan awan dibuat melibatkan kepakaran wakil Bureau of Royal Rainmaking And Agricultural Aviation of Thailand.

Selain itu, pensampelan kualiti air kolam sumber air dibuat pada kekerapan yang lebih bagi memastikan piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa dipatuhi.

Namun, di sebalik segala kebimbangan itu, hadir pula berita gembira buat rakyat Selangor - usaha mengembalikan hak air kepada rakyat kian di ambang mata.

Betapa tidak, Puncak Niaga Holdings Berhad (Puncak Niaga) yang sebelum ini begitu liat untuk menerima tawaran pengambilalihan oleh Kerajaan Selangor, bertukar nada.

Penerimaan tawaran itu secara prinsip itu juga sudah dimaklumkan kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) melalui surat bertarikh 6 Jun 2014.

Persetujuan terma dan syarat pengambilalihan 100 peratus pegangan saham dalam Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dan 70 peratus dalam SYABAS dengan pertimbangan tunai bersih RM1,555.3 juta, juga sudah dicapai.

Paling penting, dengan termaktubnya persetujuan itu, jaminan skim air percuma kepada segala lapisan rakyat bukan lagi janji retorik.

Perjuangan hak air untuk rakyat yang penuh liku kini di ambang kemenangan!

*Ketua Pengarang*

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz
**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit
**PENGARANG BERITA:** Hafiizh Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim
**WARTAWAN:** **Afeeqa Afeera:** afeeqa_afeera@yahoo.com,
**Hafizan Taib:** hafiztaib@yahoo.com, **Naeem Raffi:** naeemraffi85@gmail.com,
**Afix Redzuan :** afixredzuan@gmail.com, **Lizawati Madfa :** lizalyn84@gmail.com,
**Norhayati Umor:** chayunkyatt@gmail.com, **Nazli Ibrahim :** nazliibrahim@gmail.com,
**Norfarahidayu Baharudin :** ayu_tvs@yahoo.com
**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie
**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB
Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

# Seminar antarabangsa rangka dasar sistem sisa pepejal




**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri akan menganjurkan seminar antarabangsa bagi merangka satu dasar yang komprehensif pengurusan pelupusan sampah dan sisa pepejal di Selangor.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Kim, berkata, dasar yang realistik bagi jangka panjang amat penting memandangkan pertumbuhan ekonomi yang sangat kompetitif dan pertambahan penduduk yang tinggi.

"Sudah sampai masa untuk kita buat penilaian lebih mendalam berhubung kesan yang dihadapi, selain merumus satu dasar yang sesuai bagi pengurusan sisa pepejal di negeri ini.

"Namun tentunya Kerajaan Negeri memerlukan satu peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan dasar yang dapat memastikan kemampanan dan keberkesanan dalam pengurusannya.

> **Sudah sampai masa untuk kita buat penilaian lebih mendalam berhubung kesan yang dihadapi, selain merumus satu dasar yang sesuai bagi pengurusan sisa pepejal di negeri ini**
>
> **TENG CHANG KIM**
> Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan



**Dasar komprehensif meningkatkan kecekapan urusan sampah dan kitar semula**

"Kita akan adakan satu seminar antarabangsa dengan menjemput pakar-pakar dari luar negara, selain pihak berkepentingan di Selangor," katanya.

Dalam pembentangan kertas kerja mengenai Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu, Pengurus Besar Worldwide Sdn Bhd (Worldwide), Zamri Abdul Rahman, berkata hanya lapan peratus kawasan tanah di Selangor boleh dibangunkan sebagai tapak pelupusan sampah atau sisa pepejal.

Setakat ini Worldwide membangunkan dua tapak pelupusan sanitari, iaitu di Jeram dan Tanjung 12 yang mampu bertahan untuk tempoh 10 tahun.

"Antara isu berkaitan pengurusan sisa pepejal di Selangor ialah peningkatan kadar penjanaan, kenaikan kos, kekurangan tanah, kesedaran awam, dan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Dengan pertambahan penduduk dan taraf kehidupan yang meningkat, dengan ini turut berlaku peningkatan kepada jumlah penghasilan sampah atau sisa pepejal di Selangor. Ketika ini dianggarkan kira-kira 8,000 tan sampah terhasil setiap hari," katanya.

Zamri berkata, matlamat dasar komprehensif itu nanti menyentuh kecekapan perkhidmatan, mengalihkan sisa pepejal sebanyak mungkin dari tapak pelupusan serta meningkatkan kadar kitar semula.

"Kerajaan Negeri boleh ambil contoh sistem dijalankan di beberapa negara Asia seperti Singapura, Jepun atau Taiwan sebagai panduan dalam mencari sistem pengurusan sesuai untuk dipraktikkan di negeri ini," katanya.

# Komuniti Bestari tampung keperluan perumahan Selangor

OLEH **NAEEM RAFFI**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri akan meneruskan program-program memberdayakan komuniti pangsapuri di Selangor kearah pembangunan Komuniti Bestari.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), Norzaton Aini Mohd Kassim berkata ia juga sebagai persediaan untuk menghadapi ketidakcukupan tanah dan penghjirahan penduduk yang tinggi ke Selangor.

"Apabila pembangunan dibuat, lebih ramai migrasi akan datang. Maka, tanah yang ada di Selangor semakin tidak mencukupi.

"Apabila tanah terhad, baki tanah yang ada juga perlu diagih untuk simpanan akan datang. Maka, bentuk perumahan akan berubah dan pada ketika itu pembangunan kediaman teres, semi-d dan banglo perlu berubah kearah kediaman jenis pangsapuri," jelasnya.

Kerajaan Negeri mensasarkan 75 peratus komuniti pangsapuri di Selangor mencapai status Komuniti Bestari menjelang 2022.

Sasaran tersebut melibatkan 1,313 kawasan (198,141 unit) bagi pangsapuri kos rendah dan 105 kawasan (45,556 unit) bagi penempatan peneroka bandar.

**PROGRAM MEMBERDAYA KOMUNITI PANGSAPURI (2008 - MEI 2014)**

**PENGURUSAN FIZIKAL**

| Program | Perlaksanaan | Kos |
|---|---|---|
| Ceria | 103 Kawasan | RM 15,000,000.00 |
| Safwa | 237 Kawasan | RM 20,195,885.59 |
| Permai | 202 Kawasan (3 Klinik Permai Mediator) | RM 10,000.00 |
| Perpustakaan komuniti | 2 Kawasan | RM 145,000.00 |
| Jumlah | | RM 35,350,885.59 |

**PENGURUSAN KOMUNITI**

| Program | Perlaksanaan | Kos |
|---|---|---|
| Kempen BCH | 27 Kawasan | RM 487,692.05 |
| Seroja | 10 Kawasan | RM 76,750.00 |
| Opss Bayar | 290 Kes | - |
| Diskaun Cukai Pintu 25% | 230 Kawasan | RM 68,970.92 |
| Pakej Ransangan Ekonomi Komuniti | Perlaksanaan Tahun 2015 | |
| Perkhidmatan Komuniti | Perlaksanaan Tahun 2015 | |
| Jumlah | | RM 633,412.97 |

**PENGURUSAN KEPIMPINAN**

| Program | Perlaksanaan | Kos |
|---|---|---|
| Star Rating | 53 Kawasan | RM 131,348.00 |
| Fokus | 30 Kursus Seluruh PBT Selangor | RM 360,000.00 |
| Training On Trainers | Perlaksanaan Tahun 2015 | |
| Klinik Belia IT | Perlaksanaan Tahun 2015 | |
| Jumlah | | RM 491,348.00 |






Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad ***(gambar)*** berkata Kerajaan Negeri dalam gerak kerja mewujudkan suasana kediaman pangsapuri yang kondusif. Antara strategi yang dilaksanakan adalah memupuk rasa tanggungjawab di kalangan warga pangsapuri kepada keperluan komuniti.

"Kita telah laksanakan pelbagai program membimbing komuniti ini dan pada penghujungnya nanti, kita mahu lihat mereka sendiri yang mentadbir urus pangsapuri.

"Kerajaan Negeri hanya membimbing sementara mereka mampu berdikari. Kaedah yang sama dipraktikkan di negara-negara maju," jelasnya.

Norzaton berkata, program seperti CERIA (Skim Bantuan Baik Pulih Harta Bersama Pangsapuri), SEROJA (Skim Rondaan Keselamatan dan Kejiranan Negeri Selangor), BCH (Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni adalah persiapan keperluan perumahan di Selangor.

"Ini adalah konsep yang ingin diterapkan Kerajaan Negeri. Konsep dimana anda (rakyat) bukan dipaksa duduk di pangsapuri tetapi kebahagian, keselesaan serta keharmonian itu ada di pangsapuri," katanya.

# Sistem kebenaran merancang diselaraskan di semua PBT

**SHAH ALAM** - Sistem Kebenaran Merancang (KM) di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diselaraskan.



Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim ***(gambar)*** berkata usaha ini akan menyelesaikan karenah birokasi dan melancarkan urusan memajukan tanah atau membina bangunan.

"Dalam penyeragaman permohonan ini sebagaimana dibincangkan, kita dapati masih terdapat lagi beberapa masalah iaitu wujud perspektif yang berlainan antara pihak berkaitan. Mungkin dapat kita selaraskan perkara ini.

"Ini termasuk juga Pusat Sehenti Setempat (OSC) 3.0 yang dilihat masih belum melalui proses rundingan membabitkan semua pihak berkaitan termasuk PBT, pemaju perumahan dan yang lain dalam industri pembangunan," katanya.

Ahli Majlis Pertubuhan Perancang Malaysia, Mahani Mohd Yasin menjelaskan, secara amnya KM adalah prosedur yang mana pemohon perlu mengemukakan permohonan kepada PBT untuk mendapatkan kelulusan sebelum memulakan sebarang pemajuan di atas tanah atau bangunan seperti mana diperuntukkan di bawah Seksyen 21A dan 21B.

Katanya, keseragaman dalam KM perlu bagi mempertingkatkan daya saing dengan negara luar; urusan pengeluaran permit pembangunan yang mudah, seragam, efektif dan efisien; serta mengurangkan kos pembangunan.

"Ia boleh dicapai dengan penumpuan untuk mengurangkan prosedur, masa dan kos; meningkatkan tahap perkhidmatan dan mempercepatkan proses dari segi masa dan kos; dan penyelarasan keperluan pengemukaan dokumen di semua PBT," kata Mahani.

# Program bantu tingkat pendapatan rakyat diperkemaskan

OLEH **HAFIZAN TAIB**

**SHAH ALAM -** Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata pendapatan per kapita rakyat berpendapatan menengah perlu dinaikkan sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan bagi setiap keluarga.

Abdul Khalid melahirkan kebimbangan jurang pendapatan yang sangat besar di Selangor, dimana hampir 70 peratus berpendapatan kurang RM,4000 sebulan.

"Kita mesti rancang supaya pendapatan isi rumah dapat dinaikkan supaya tiada keluarga yang mempunyai pendpatan terlalu rendah.

"Kalau Selangor nak maju, maka pendapatan rakyat juga mesti ditingkatkan supaya mereka dapat menguasai harta pembangunan di negeri ini," katanya.

Sementara itu, rakyat berpendapatan rendah dan miskin perlu dibantu menerusi pelbagai program bagi menghadapi cabaran hidup dengan kos meningkat saban tahun.

Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, V Ganabatirau berkata, kos sara hidup semakin meningkat selain Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang bakal dilaksanakan tahun depan mendorong Kerajaan Negeri dan pelbagai pihak berkaitan berganding bahu membantu mengatasi masalah itu secara kolektif.

Kajian ke atas empat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) mendapati lebih setengah juta daripada 5.78 juta rakyat Selangor adalah golongan berpendapatan rendah dan miskin.

"Saya amat tertarik dengan cadangan daripada Dr M Saravanan (Prinsipal Nexus Ec Sdn Bhd) berhubung idea Van Runcit Bergerak Selangorku (SMG). Ini ialah satu idea inovatif. Mungkin kita boleh buat van-van kiosk, gerai kiosk Selangorku.

"Jika ada geran asas sebanyak RM10 juta bagi permulaannya, kita boleh mengurus dan memberi khidmat ke kawasan sasaran dengan berkesan. Kita boleh praktikkan penggunaan kad bagi golongan berpendapatan RM1,500. Mereka boleh membeli barangan dengan harga murah menggunakan kad diberi," katanya dalam Majlis Dialog Belanjawan Selangor 2015.

Selain itu, Ganabatirau berkata, penerokaan tanah bagi tujuan pertanian dengan sistem tanaman terkini wajar dilaksanakan.



**Kita boleh praktikkan penggunaan kad bagi golongan berpendapatan RM1,500. Mereka boleh membeli barangan dengan harga murah menggunakan kad diberi**

**V GANABATIRAU**
Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin




**TAHNIAH... Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan; Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong, memotong kek Ulang Tahun ke-15, penubuhan SSIC Berhad sambil diapit (kiri) CEO SSIC Berhad, Hasan Azhari Idris dan Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Noordin Sulaiman, pada Malam Penghargaan Pelabur negeri Selangor 2013 yang dianjurkan Selangor State Invesment Centre (SSIC)**

# Kit Halal kesan unsur terlarang dijangka siap tahun depan

**SHAH ALAM -** Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menyediakan Halal Kit alat pengesan berteknologi tinggi bagi mengesan bahan tidak halal dikesan dalam tempoh singkat.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata projek itu memerlukan kos sebanyak RM1.3 juta dan dijangka siap dalam 18 bulan lagi.

Kerajaan Negeri akan mula mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat antaranya Nestle bagi membincangkan penggunaan teknologi itu.

"Kita akan lihat bagaimana untuk menentukan teras itu dapat diterima oleh masyarakat Islam mahupun agama lain," katanya.

Abdul Khalid berkata langkah itu juga diambil bagi menyakinkan rakyat dengan logo halal yang sah dan boleh dipercayai serta mengurangkan persepsi ragu-ragu masyarakat.

Baru-baru ini, negara digemparkan dengan penemuan dua produk coklat Cadbury mengandungi DNA babi.

Bagaimanapun, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengesahkan DNA itu tidak terdapat dalam produk coklat terbabit.

Sebagai satu komponen Halal Hub Selangor, kluster inovasi Selangor akan memainkan peranan utama menjayakan kajian dan penyelidikan berteknologi tinggi dalam industri halal.

Secara tidak langsung, kluster itu akan menjadi nukleus dalam bidang inovasi dan sains di Malaysia dan rantau ini.

**Langkah itu juga diambil bagi menyakinkan rakyat dengan logo halal yang sah dan boleh dipercayai serta mengurangkan persepsi ragu-ragu masyarakat**

**ABDUL KHALID**
Menteri Besar

OLEH **NAZLI IBRAHIM**

### Sempena Tahun Melawat Selangor 2015

# Peruntukan sektor pelancongan ditambah

**SHAH ALAM** - Peruntukkan belanjawan bagi sektor pelancongan di Selangor dijangka ditambah kepada RM4 juta tahun hadapan bagi meningkatkan promosi industri pelancongan, bersempena Tahun Melawat Selangor 2015.

Bercakap di Forum Pembangunan Mampan dan Mesra Alam, Exco Pelancongan dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong berkata sektor pelancongan dijangka menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Selangor yang lebih memberangsangkan.

"Selangor ada banyak potensi pelancongan alam sekitar dan pertanian, kita harap pada masa hadapan kita dapat membuka lagi atau menambahbaik tapak pelancongan khasnya dalam pelancongan alam sekitar dan pertanian," katanya di wacana yang diadakan di Dewan Annex, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, baru-baru ini.

Forum diadakan bersempena Hari Alam Sekitar Dunia pada 5 Jun lalu dan menampilkan beberapa tokoh alam sekitar dan warisan dalam dan luar negara sebagai panelis.

Antaranya perintis pemuliharaan warisan dan kurator terkenal iaitu Setiausaha Agung Institut Pengurusan Sumber Sejarah Taiwan, Alice Ru Hwa Chiu; Naib Presiden Pencinta Alam Malaysia, Profesor Dr Ahmad Ismail dan Pegawai Kanan Program Hutan dan Tanah Gambut, Nagarajan Rengasamy.

Turut ditampilkan dalam forum itu, Editor Pengurusan Majalah Santai Travel, Azlie Halim dan Pengerusi Persatuan Belia Perubahan Iklim, Adrian Yeo yang juga bertindak sebagai moderator.

Elizabeth menyeru pimpinan masyarakat setempat dan Adun-Adun Selangor supaya mengambil Sekinchan sebagai contoh pembangunan pelancongan yang berjaya.

Walaupun Selangor mempunyai banyak produk pelancongan yang boleh diketengahkan, tetapi yang penting sekali adalah usaha masyarakat tempatan sendiri.



**Industri rumah inap (homestay) antara tarikan pelancongan di Selangor**

"Kenapa Sekinchan berjaya? Kerana mereka berusaha adakan aktiviti sendiri yang melibatkan semua lapisan masyarakat, wujudkan identiti pelancongan mereka sendiri.

"Mereka juga libatkan pemilik kilang, hotel-hotel kecil, tempat makan, petani dan lain-lain," katanya.

Antara produk pelancongan terkenal di Sekinchan, jeti pendaratan hasil laut yang bermutu dan segar, muzium padi, mangga Sekinchan, home stay, keindahan panorama sawah padi dan industri kecil sederhana (IKS) dan produk makanan kampung.

# Selangor tawar khidmat kaunseling percuma

**SHAH ALAM** - Pusat Kaunseling Selangor (PKS) yang beralamat di kompleks PKNS, Shah Alam, menawarkan perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling kepada mereka yang memerlukan, secara percuma.

Pegawai Psikologi PKS, Rinatho Nunchi, berkata perkhidmatan PKS merangkumi perkhidmatan kaunseling individu, keluarga, kerjaya, kelompok dan perkhidmatan bimbingan, rundingcara serta ujian psikologi.

"Kaunseling bertujuan membangunkan potensi pengadu kerana ketika itu mereka tidak tahu jalan keluar dari masalah mereka.

"Saya pernah kendalikan satu kes pada 2010, waktu itu ekonomi kurang elok. Seorang ahli perniagaan nyaris bunuh diri hanya disebabkan hutang dan perniagaannya hampir gulung tikar.

"Selepas menjalani diagnosis dan beberapa ujian seperti hiponisis dan psikologi, potensi dan keyakinan diri beliau berjaya dikembalikan," jelasnya.

Rinatho yakin kemampuan PKS dengan 27 tenaga kaunselor bertauliah mampu membantu mereka yang memerlukan.

"Kami pegang amanah Kerajaan Negeri yang mahu rakyat sentiasa menikmati kecemerlangan ekonomi, sosial dan agama," jelasnya.

Pada awalnya, perkhidmatan tersebut dikendalikan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) yang dikenali sebagai 'Talian Sahabat'. Penubuhannya berperanan mengendalikan masalah kekeluargaan khusus buat pengadu yang merujuk masalah mereka kepada Jais.

Bermula 2013, PKS secara rasminya di letakkan di bawah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia




**Pertanyaan**

**Pusat Kaunseling Selangor (TALIAN SAHABAT)**
**Lot G-60 tingkat bawah kompleks PKNS,**
**40000 Shah Alam, Selangor**

Facebook : Pusat kaunseling Selangor-Talian sahabat

Emel : kaunseling.selangor@gmail.com

No telefon : 03- 5519 0500 /03-5521 2272

No Faks : 03-55198060




▲ Adun Meru, Dr Rani Osman, menyampaikan sumbangan wang, sijil penghargaan dan pingat kepada seramai 65 pelajar cemerlang SPM dan STPM di DUN Meru



▲ Program derma darah, pemeriksaan kesihatan percuma dan sukaneka Pangsapuri Palma di Dewan Serbaguna Pangsapuri Palma, Bandar Botanik. Kelihatan Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi, menyampaikan cenderahati kepada peserta program



▲ Anak-anak di Hulu Selangor yang lahir selepas tahun 2008 menerima penyata simpanan Tawas (Tabung Warisan Anak Selangor) daripada Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Heong



▲ Adun Hulu Klang, Saari Sungib serta isteri, bergambar bersama anak-anak dari Rumah Perlindungan Nur Qaseh yang berada di Taman Melawati. Rumah yang menempatkan hampir 30 orang anak-anak yatim perempuan ini diuruskan Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Nur Qaseh Malaysia



▲ Pimpinan Pakatan Rakyat bersama Pasukan Unit Amal Malaysia pada Majlis makan malam sempena Pelancaran Tabung Amal Malaysia di Petaling Jaya

# Bantu anak istimewa naik Lamborghini



**HANNAH YEOH**
Adun Subang Jaya

**ADUN** Subang Jaya, Hannah Yeoh mengucapkan tahniah kepada Children's Wish Society of Malaysia kerana berjaya memenuhi hasrat adik Thinesrao yang mengalami penyakit otot Duchenne Dystrophy untuk menaiki sebuah Lamborghini.

"Kami amat gembira kerana dapat berkongsi senyuman dengan Thinesrao dan keluarganya hari ini. Terima kasih juga kepada pemilik Lamborghini yang berbesar hati untuk bantu kami mencapai impian Thinesrao," katanya.

Perjalanan selama 20 minit dari The Summit Subang USJ ke Lebuhraya Kesas ini juga turut dibantu pihak St John Ambulance dan polis.

Thinesrao yang berusia 16 tahun itu, kini bernafas melalui tangki oksigen.

# Bergotong-royong bersihkan kubur



**KHASIM ABDUL AZIZ**
Adun Lembah Jaya

**PROGRAM** 'Jom Bersih Kubur' di Taman Kosas, Ampang, melibatkan NGO serta hampir 50 orang penduduk, mendapat sambutan menggalakkan.

"Saya sangat suka aktiviti atau program yang dapat membantu kita untuk terus kekal sihat dengan mengeluarkan peluh.

"Program sebegini juga dapat mengeratkan siratulrahim antara penduduk dan NGO," jelas Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz.

Dalam program tersebut, pelakon utama drama bersiri 'Tanah Kubur', Nasir Bilal Khan juga turut diundang bersama bagi menjayakan aktiviti ini.



**WILLIAM LEONG**
Ahli Parlimen Selayang

# Tinjau dan dengar masalah penjaja

**AHLI** Parlimen Selayang, William Leong membuat tinjauan ke kawasan Pasar Selayang Baru untuk mendengar masalah serta memberikan info terkini kepada para penjaja.

Menerusi tinjauan kali ini, penjaja meluahkan permasalahan mereka dalam isu pelesenan. Aktiviti sebegini sering kali dijalankan sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk William dekati para mereka.

"Saya akan jumpa dengan pengarah jabatan perlesenan secepat mungkin bagi menyelesaikan isu ini dengan segera," jelasnya.



**SHAFIE NGAH**
Adun Bangi

# Ziarah 32 buah rumah seminggu

**SEBANYAK** 32 buah rumah disasarkan untuk diziarahi setiap minggu. Demikian jelas Pengarah Program Anda Di hati Kami, Rosdi Lokman.

Katanya, program ziarah kebajikan itu diadakan setiap hujung minggu dengan dua sesi, pagi dan petang.

"Kebanyakan mereka yang kami ziarah terdiri daripada warga emas, Orang Kelaian Upaya, pesakit kronik dan golongan susah yang memerlukan bantuan," katanya selepas menziarah Rumah Kebajikan Penyayang Hani, Bangi Villa, Pekan Bangi Lama.

Pendaftar program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) akan dilakukan sukarelawan di 18 buah Pusat Khidmat Masyarakat Setempat (PKMS) yang ditubuhkan

Sehingga kini sebanyak 13 siri berjaya dilaksanakan melibatkan kerja sama Adun Bangi, Shafie Ngah, Lajnah Kebajikan Pusat Khidmat Adun Bangi, Dewan Muslimat PAS Serdang, Unit Amal Malaysia, PKMS dan pemimpin masyarakat tempatan.

## Guna senjata biologi di USJ

# MPSJ kerah Toxo gempur Aedes

OLEH **AFEEQA AFEERA**

**SUBANG JAYA** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) memperluaskan penggunaan senjata biologi 'Toxorhynchites' dari Kampung Seri Aman, Puchong ke Pangsapuri Sri Tanjung, UEP Subang Jaya bagi mengekang penularan wabak denggi.

Bahagian Perhubungan dan Komunikasi MPSJ, berkata pelepasan nyamuk gajah itu menunjukkan hasil positif di Kampung Seri Aman, dan mengharapkan hasil yang sama berulang di USJ 16.

Sejak dilepaskan pada 29 Oktober di Kampung Seri Aman, tiada lagi kes denggi dilaporkan sejak Ogos 2012 hingga Julai 2013.

"Hasil prakajian yang dijalankan di pangsapuri berkenaan (Pangsapuri Sri Tanjung) bermula Jun 2013 mendapati populasi nyamuk Aedes di kawasan itu agak tinggi, antara 500 ke 700 ekor jentik-jentik setiap bulan," menurut MPSJ dalam satu kenyataan media.

Selain pembiakan nyamuk Toxo, MPSJ turut mengerahkan unit pengwasapan, unit pemeriksaan pembiakan Aedes dan unit pendidikan kesihatan ke tempat-tempat berisiko.

Sebanyak 3,149 kes demam denggi dilaporkan sehingga 31 Mei lalu di mana 2,798 kes daripadanya adalah positif.

Lima kematian dilaporkan setakat ini, iaitu di Pangsapuri Mawar Jaya, Kota Perdana, Pangsapuri Putra Raya, Taman Pinggiran Putra, Bandar Kinrara 1, Vista Lavender, TK 3 dan One Avenue Condo, USJ 1.



**Exco Kesihatan, Dr Daroyah Alwi, melepaskan nyamuk Toxo di kawasan USJ 16**

MBI™
Menteri Besar Incorporated

**MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)**

**KENYATAAN TENDER**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

| Bil | Tajuk Projek | Gred/ Bidang Pengkhususan | Tempat , Tarikh & Waktu Tawaran Di Tutup | Pembelian Dokumen |
|---|---|---|---|---|
| 1 | KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA DINDING BAHAGIAN LUAR DAN DALAM DI BANGUNAN DARUL EHSAN, SEKSYEN 14, SHAH ALAM, SELANGOR.<br><br>NO. SEBUTHARGA : MBI.Sel.(2014) SEBUTHARGA JLD.3 | G3 / G4<br>B04 & B14<br><br>Kerja-kerja Am Bangunan & Kerja-kerja Mengecat | Pejabat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Tingkat 14, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam<br><br>23hb Jun 2014 sebelum 12.00 tengahari | RM100.00<br><br>Bayaran menggunakan wang pos/bank draf. (bayaran ini tidak akan dikembalikan)<br><br>Atas Nama :<br><br>**Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)** |

1 Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL ATAU KAD PERAKUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN dan SIJIL PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/ KEMENTERIAN KEWANGAN** dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera jika berkenaan. SALINAN Sijil Pendaftaran PKK/ Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor.

2 Dokumen Tender akan dijual mulai dari 12hb Jun 2014 hingga 16hb Jun 2014 pada waktu pejabat (9:00 pagi - 5:00 petang). Dokumen Tender TIDAK akan dijual selepas tempoh ini.

3 Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta bertanda ke nyataan tawaran di sebelah kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat seperti berikut :

**Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)**
Tingkat 14, Bangunan
SSAAS, 40503
Shah Alam

4 Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.

# Kolam tadahan USJ 3A dinaik taraf

**SUBANG JAYA** - Kolam tadahan USJ 3A akan dinaik taraf melalui kerja pembersihan dan pemuliharaan yang menelan kos keseluruhan berjumlah RM167,980.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh ***(gambar)***, berkata kos berkenaan akan dibiayai Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) sepenuhnya dan dijangka mengambil masa selama lapan minggu untuk disiapkan.



Katanya, kerja berkenaan sudah dimulakan pada 15 Mei lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada 9 Julai ini.

"Pejabat ADUN Subang Jaya dan bekas ahli majlis yang kini Adun Bukit Gasing, R Rajiv sudah bertahun mendesak untuk projek ini.

"Oleh itu, kami sangat berbesar hati MPSJ sudi memperuntukkan wang untuk menjayakannya pada tahun ini," katanya dalam sidang media, baru-baru ini bersama Ahli Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen dan Penolong Jurutera Kanan Jabatan Kejuruteraan MPSJ, Shahrul Izhar Arsat.

Kerja pembersihan dan pemuliharaan akan dilakukan Rezeki Umpetan Enterprise yang akan melakukan kerja seperti mengorek dan membawa keluar kelodak sampah menggunakan 'floating excavator'.

Hannah berkata, pejabatnya juga akan memasang lebih banyak lampu limpah di kolam takungan untuk tujuan keselamatan.

# Nelayan setuju usaha zon semula

OLEH **LIZAWATI MADFA**






**Nelayan lahirkan sokongan atas pengezonan semula kawasan penangkapan ikan. Kanan: Nelayan turut diberi peluang kemukakan pertanyaan**

**KUALA LANGAT** - Komuniti nelayan tradisi sebulat suara bersetuju dengan usaha pengezonan semula kawasan penangkapan ikan di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Pemangku Pengerusi Persatuan Nelayan Selangor, Mohd Jaman Haris, 47, berkata inisiatif yang diambil Jabatan Perikanan Malaysia itu memang dinantikan kerana sumber perikanan pesisir pantai dan pencerobohan pukat tunda dapat ditangani.

"Jika tidak, pukat tunda akan memasuki zon A kawasan nelayan tradisi dan mengambil hasil anak ikan kecil yang kebiasaannya hanya akan dijadikan ikan baja.

"Ini akan jejaskan sumber ikan itu sendiri, bahkan terdapat beberapa spesis seperti ikan membiang dan senunggang yang kini tidak lagi dapat ditemui.

"Kalau jumpa ikan ini lagi, ibarat kami jumpa emas dan pasti tidak akan jual," katanya selepas majlis penerangan Program Pengezonan Semula Kawasan Penangkapan Ikan di Jeti Nelayan, kawasan Tongkah, baru-baru ini

Melalui pengezonan ini, nelayan pukat tunda tidak lagi dibenarkan memasuki kawasan zon A, yang hanya boleh diterokai nelayan tradisi.

Program pengezonan membabitkan lima zon, iaitu Zon Konservasi (0 hingga 1 batu nautika), Zon A (1 hingga batu nautika), Zon B (8 hingga 15 batu nautika), Zon C (15 batu nautika hingga sempadan Zon Ekonomi Eksklusif) dan Zon C3 (Lautan Hindi).

# Kembalikan hak jabatan perikanan

**KUALA LANGAT** - Kerajaan Pusat digesa mengembalikan semula bidang kuasa penguatkuasaan kepada Jabatan Perikanan bagi mengawal pencerobohan pukat tunda ke kawasan yang diwartakan kepada nelayan tradisi.

Pemangku Pengerusi Persatuan Nelayan Selangor, Mohd Jaman Haris, berkata tugas yang diberi kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) gagal membawa kesan penguatkuasaan diharapkan.

Beliau berkata, pencerobohan pukat tunda juga semakin meningkat sementara penangkapan dilakukan semakin berkurangan berbanding sewaktu di bawah bidang kuasa Jabatan Perikanan.

"Kalau dahulu di bawah Jabatan Perikanan, tangkapan pencerobohan ini boleh capai kepada 400 tangkapan setahun, tetapi sejak diambil alih APMM, terus berkurangan sehingga 100 sahaja dalam tempoh sama.

"Kita tidak salahkan APMM kerana faham mereka ada komitmen lain, apa lagi dengan kekangan anggota pasti sukar mahu memantau aktiviti perikanan.

"Jadi, kembalikan semula kepada Jabatan Perikanan kerana ia lebih efisien," katanya pada sesi penerangan Program Pengezonan Semula Kawasan Penangkapan Ikan, baru-baru ini

Hadir sama, Pegawai Perikanan Daerah Kuala Langat, Zainal Abidin Mohd Sukiman.

APMM dikatakan mula mengambil alih tugas penguatkuasaan di kawasan laut sejak 2010, sementara Jabatan Perikanan pula hanya diberi kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan di kawasan pesisiran pantai sahaja.

JKR

## JABATAN KERJA RAYA
## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

| Pejabat yang memanggil tender | Tajuk Projek (Pembiayaan) | Taraf/Jenis Syarikat | Taraf | Gred, Kategori, Pengkhususan | Tempat & Tarikh Dokumen Dijual | Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor** | KERJA-KERJA MEMBAIK-PULIH PERMUKAAN JALAN YANG TELAH ROSAK SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI DALAM DAE-RAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN<br><br>JKR/SEL(N)/ 027(T)/ 2014 | T1<br><br>Kontrak-tor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) | Bumiputera | CIDB<br><br>Gred : G6 Kategori : CE Pengkhusu-san: CE01, CE21 | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.<br><br>Pada 10/06/2014 (Selasa)<br><br>Hingga<br><br>24/06/2014 (Selasa) | Lawatan Tapak : **Digalakkan**<br><br>Sebarang Pertanyaan : JKR Daerah Kuala Selangor.<br><br>No. Tel: . 03-32891040 | **RM460.00**<br><br>(Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)<br><br>Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor | **Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup**<br><br>Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor<br><br>**02/07/2014 (Rabu)** Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. |

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

***Jenis Syarikat Tempatan:**

T1 Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
A1 Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
A2 Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
T2 Tidak berkenaan

# Biasiswa untuk pelajar cemerlang

OLEH **NAZLI IBRAHIM**

**SHAH ALAM -** Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyediakan insentif kepada kakitangan dan ahli keluarga kakitangannya yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Pemangku Pengurus Besar PKNS, Mazlan Md Alifiah, berkata biasiswa atau dermasiswa disediakan untuk anak-anak kakitangan yang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Hadiah saguhati turut diberikan kepada kakitangan atau anak-anak kakitangan yang mendapat keputusan cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), jurusan diploma dan jurusan sarjana.

"Bagi membantu anak kakitangan yang ingin menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, PKNS menyediakan biasiswa atau dermasiswa untuk mereka mengikuti ijazah sarjana muda sepenuh masa.

"Manakala, kakitangan turut ditawar melanjutkan pelajaran di peringkat sijil, diploma, sarjana muda, ijazah lanjutan dan kursus profesional sepenuh masa atau secara sambilan," katanya dalam Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Peperiksaan 2013 di Dewan Kemajuan, Kompleks PKNS, baru-baru ini.

Seramai 119 kakitangan dan anak-anak kakitangan menerima hadiah sagu hati bernilai RM44,000 daripada PKNS.



**Pemangku Pengurus Besar PKNS, Mazlan Md Alifiah, bersama anak-anak kakitangan PKNS yang cemerlang**

PKNS

**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR**
**KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan KerjaKerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa** ini bagi kerja-kerja berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | SYARAT PENDAFTARAN | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL | TARIKH TENDER DITUTUP |
|---|---|---|---|
| Tajuk Projek<br>MEMBINA DAN MENYIAPKAN 18 UNIT KEDAI / PEJABAT 2 TINGKAT, SEBUAH PENCAWANG ELEKTRIK 2 RUANG SERTA KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG BERKAITAN DI SEKSYEN 5A, ANTARA GAPI, MUKIM SERENDAH, DAERAH HULU SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN. (PENYIAPAN BAKI KERJA)<br><br>No. Kontrak<br>PKNS/IP/AG/KON-12/2011 (TS) | CIDB : G5<br>Kategori B<br>Pengkhususan<br>B04,<br>Kategori CE Pengkhususan<br>CE21 | BahagianPerolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM<br><br>Pada :<br><br>16 Jun 2014<br>Hingga<br>30 Jun 2014 | 7 Julai 2014<br><br>Jam 12.00<br>Tengahari |

1 **Lawatan Tapak** bagi tender ini akan diadakan pada **12 Jun 2014 jam 10.00 pagi di Tapak Projek 18 Unit Kedai / Pejabat 2 Tingkat di Seksyen 5A Antara Gapi, Daerah Hulu Selangor, Selangor.** (Kehadiran adalah **DIWAJIBKAN**)

2 Manakala **Taklimat** bagi tender ini akan di adakan pada 1**3 Jun 2014 jam 10.00 pagi bertempat di BILIK GERAKAN TINGKAT 9, MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK NO. 7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM**. (Kehadiran adalah **DIWAJIBKAN**)

3 Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) SERTA SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA** dan satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

4 Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **16 Jun 2014**

5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) SERTA SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA** dan satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

6. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

**BAHAGIAN PEROLEHAN**
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR**
**TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,**
**NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,**
**40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**
**No. Tel : 03-55201234**
**http://etender.pkns.gov.my**

7. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.

# Anak-anak kurang bernasib baik dirai

**PETALING JAYA -** Gandingan swasta, badan amal dan mahasiswa mampu menjadikan Selangor negeri yang lebih baik untuk rakyatnya.

Baru-baru ini, 31 kanak-kanak kurang bernasib baik dari Rumah Amal Suci Rohani dan Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Praise Emmanuel diraikan dalam acara 'Lights! Camera! Action!' yang menggabungkan aktiviti seni dan pendidikan.

Inisiatif sosial itu dianjurkan Persatuan Pelajar Komunikasi, Perhubungan Awam dan Perundingan (proPassion) Universiti Taylor dengan tajaan penuh Encorp Strand Mall.

Menurut penasihat ProPassion, Thaera Yousef, program ini meraikan anak-anak itu serta mengajar penuntut Universiti Taylor mengaplikasikan kemahiran masing-masing menyelesaikan isu-isu masyarakat.

"Ini adalah salah satu alat pengajaran yang paling berkesan kerana setiap pelajar perlu adaptasi pengetahuannya selain ia bangunkan kemahiran baru sebagai persediaan menempuh kerjaya sebenar di luar nanti," jelasnya.

Dalam program sehari itu, kanak-kanak mengayakan watak wira-wira kegemaran di dalam studio skrin hijau, bermain alat muzik di Yamaha Music, serta menonton wayang X-Men di TGV Cinemas dan aksi tarian udara Cirque du Strand dari Australia.

Kumpulan proPassion juga berjaya mengumpulkan dana hasil sumbangan orang ramai sejumlah RM6,500 untuk disalurkan kepada kedua-dua rumah amal itu.



**Pelajar proPassion beramah mesra dengan kanak-kanak Rumah Amal Suci Rohani**

# Festival Antarabangsa Petaling Jaya 2014 - Kesenian Rakyat

**SEIRING** dengan hasrat untuk menjadikan Bandar Raya Petaling Jaya sebagai sebuah destinasi pelancongan bandar dengan tumpuan kepada *SHE* – Shopping, Health and Education, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Majlis Antarabangsa Festival dan Pertubuhan Kesenian Rakyat (International Council of Folklore Festivals & Folk Arts Organizations) atau CIOFF sebuah badan bukan kerajaan akan menganjurkan Festival Antarabangsa Petaling Jaya 2014 dengan tema Kesenian Rakyat.

Tema ini dipilih bertepatan dengan salah satu elemen dan hala tuju utama Petaling Jaya Sejahtera 2030 (PJ Sustainable 2030) iaitu Budaya dan Komuniti – Masyarakat Harmoni, Selamat dan Prihatin.

Festival Antarabangsa Petaling Jaya 2014 diadakan bertujuan untuk mempromosi Bandar Raya Petaling Jaya, Negeri Selangor dan Malaysia amnya sebagai sebuah destinasi pelancongan antarabangsa, berdaya huni melalui keharmonian budaya, ciri-ciri persekitaran baik dan aktiviti-aktiviti yang menarik.

Di samping itu, Festival Kesenian Rakyat Antarabangsa ini dapat memberi peluang kepada pencinta seni untuk menikmati keunikan, keaslian dan keindahan persembahan tarian kebudayaan oleh pelbagai etnik dunia.

Ia juga bertujuan untuk mempromosi persefahaman, keamanan dan persaudaraan melalui budaya serta mempromosi pelancongan berasaskan budaya di kalangan negara-negara yang menyertai festival ini.

Sebanyak 14 negara akan memeriahkan penganjuran festival ini iaitu Jepun, Korea, Mesir, Senegal, Kenya, Filipina, Thailand, Sri Lanka, Bangladesh, Indonesia, Nigeria, Iran, Ghana dan India. Penyertaan dalam negeri pula melibatkan Negeri Selangor, Melaka, Sarawak, Kelantan, dan Negeri Sembilan. Penganjuran festival ini juga bersempena dengan sambutan ulang tahun ke 8 Bandar Raya Petaling Jaya serta Tahun Melawat Malaysia 2014. Program ini akan mula diadakan dengan persembahan pentas di pusat membeli belah di sekitar Petaling Jaya pada 17 hingga 19 Jun, diikuti dengan acara pelancaran pada 20 Jun dan karnival kesenian rakyat akan berlangsung pada 20 hingga 22 Jun 2014 di Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Festival ini menawarkan pelbagai aktiviti menarik seperti pelbagai pameran & jualan kraf, demonstrasi masakan tradisional, persembahan kesenian rakyat dalam negeri dan luar negara serta sukan rakyat yang merangkumi penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Para pengunjung juga berpeluang mendapatkan pakej pelancongan istimewa ke destinasi pilihan di Travel Fair oleh MATTA Selangor sepanjang karnival berlangsung. Menariknya sambutan kali ini telah mendapat kolaborasi yang baik daripada badan-badan korporat, NGO dan pengurusan kompleks membeli-belah iaitu Damansara Performing Arts Centre, Paradigm Mall, Sunway Giza, Empire Shopping Gallery, The Curve, Sunway Pyramid, Uptown D'Kota dan Tropicana City Mall yang telah bersetuju bekerjasama sebagai penaja lokasi bagi segmen 'pocket show'.

Di samping itu, pihak penganjur juga telah menyediakan pelbagai program utama yang dilihat mampu untuk mendokong penganjuran festival ini seperti Xtreme Games, Tayangan World Cup, pertandingan Penceriaan Lorong Belakang, Boulevard, Pertandingan Brassband, Kempen Kepelbagaian Biologi, Sukan Rakyat serta Karnival Foodbank.

Pihak Majlis amat berbesar hati menjemput seluruh penduduk Petaling Jaya dan rakyat Malaysia amnya hadir memeriahkan festival ini. Saksikan keunikan kepelbagaian budaya dan kesenian insan sejagat di Petaling Jaya.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut orang ramai boleh menghubungi ditalian ***03-7956 3544*** sambungan ***261/262/358***. Atau layari laman web ***petalingjayafair.mbpj.gov.my***



**Datin Paduka Alinah Ahmad, Datuk Bandar Petaling Jaya dan Dato Hassim Salim, Presiden CIOFF Malaysia menunjukkan poster aktiviti Festival Antarabanga Petaling Jaya 2014**




**Bunting berwarna warni menghiasi Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya**



**Penduduk juga turut membantu mempromosikan festival ini**

# Citta Mall terap budaya berbasikal

**PETALING JAYA -** Berbanding di Jepun dan Denmark, tidak banyak inisiatif menggalakkan budaya berbasikal di kalangan muda belia.

Justeru, pusat membeli-belah Citta Mall, bertekad menarik masyarakat menggunakan basikal sebagai mod pengangkutan utama bagi tujuan harian, riadah dan kesihatan.

Satu bengkel keselamatan berbasikal akan diadakan pada 15 Jun depan di parkir kereta Citta Mall. Bengkel empat jam bagi anak-anak berumur 4 hingga 10 tahun itu adalah hasil kerjasama Citta Mall dan saudagar basikal, Volt Bicycle Concept Store.

"Malaysia tidak punya budaya berbasikal yang hebat, sebahagian puncanya kerana orang awam tidak didedahkan kepada amalan berbasikal dengan selamat," kata Pengurus Pusat Citta Mall, Wong Sue May.

"Berbasikal merupakan mod pengangkutan yang tidak mencemar alam sekitar, memupuk budaya hidup sihat, dan lebih penting lagi, aktiviti menyeronokkan. Lantas kita mahu ajar anak-anak asas berbasikal, mengelakkan kemalangan, dan berkomunikasi dengan pengguna jalan raya yang lain."

Peserta bengkel akan diberi didikan amali oleh jagoan basikal negara, Edwin Ng, melalui pelbagai program keselamatan jalan raya dan cabaran litar.

"Berbasikal merupakan mod pengangkutan yang tidak mencemar alam sekitar, memupuk budaya hidup sihat, dan lebih penting lagi, aktiviti menyeronokkan. Lantas kita mahu ajar anak-anak asas berbasikal, mengelakkan kemalangan, dan berkomunikasi dengan pengguna jalan raya yang lain

**WONG SUE MAY**
Pengurus Pusat Citta Mall




## BERMINAT?

- Penyertaan adalah percuma!
- Daftar di Facebook Citta Mall
- Sediakan basikal dan peralatan sendiri, dengan dihiasi tema Safari.
- Cepat kerana tempat adalah terhad!



**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**
**MENARA MPKj,**
**JALAN CEMPAKA PUTIH,**
**OFF JALAN SEMENYIH,**
**43000 KAJANG,**
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**KENYATAAN TAWARAN**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam kelas dan jenis pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

| NO. TENDER | TAJUK PROJEK | GRED | KATEGORI / PENGKHUSUSAN | TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | HARGA DOKUMEN |
|---|---|---|---|---|---|
| MPKj T 6/2014 | Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan 3/4A, 3/4B, 3/4C, 3/4D, 3/4E, 3/4F, 3/4G, 3/5, 3/5A, 3/5B, 3/5C, 3/5D, 3/5E, 3/5F, 3/5G, 3/5H, 3/5I, 3/5J, 3/5K Dan 3/5L, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya | CIDB G3 | CE 01 | BAHAGIAN BEKALAN & PEROLEHAN, MPKJ | RM 150.00 |
| MPKj T 7/2014 | Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan 4/3, 4/3A, 4/3B, 4/3C, 4/3D, 4/3E, 4/3F, 4/3G, 4/3H, 4/3I, 4/3J, 4/3K, 4/4, 4/4A, 4/4B, 4/4C, 4/4D, 4/4E, 4/5, 4/5A, 4/5B, 4/5C, 4/5D, 4/5E, 4/5F, 4/5G, 4/5H, 4/5I, 4/5J, 4/5K, 4/5L Dan 4/5M, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya | CIDB G4 | CE 01 | BAHAGIAN BEKALAN & PEROLEHAN, MPKJ | RM 150.00 |

**LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN**

Tempat dan Tarikh Melapor Diri Bagi Lawatan Tapak :

**Mini Teater Cempaka Telur,**
**Tingkat 6, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,**
**Off Jalan Semenyih, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan.**

Tarikh : **16 Jun 2014** Jam : **8.30 pagi**

1. Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai 16 Jun 2014 pada waktu pejabat di Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Menara MPKj, Majlis Perbandaran Kajang, Jalan Cempaka Putih Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
2. Dokumen Tender akan dijual mulai dari 16 Jun 2014 hingga 07 Julai 2014 pada waktu pejabat. Dokumen Tender TIDAK akan dijual selepas tempoh ini.
3. Petender yang berminat adalah DIWAJIBKAN untuk menyertai lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh dan masa seperti mana yang telah ditetapkan. Petender juga DIWAJIBKAN mendaftarkan diri pada hari lawatan tapak dan berkumpul di Bahagian Perolehan, MPKj mulai jam 8.30 pagi hingga 9.30 pagi. Petender hendaklah membawa bersama sijil-sijil berikut semasa pendaftaran dan pembelian dokumen dijalankan :-
   i) Perakuan Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
   ii) Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
   iii) Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera.
   iv) Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).
   * Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.
4. Hanya seorang wakil sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen tender dan menghadiri lawatan tapak dengan membawa surat perwakilan kuasa. Petender yang menghadiri lawatan tapak sahaja DIBENARKAN membeli dokumen tender yang dikeluarkan.
5. Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Draf Bank / Wang Pos / Kiriman Wang Pos Sahaja Atas Nama Yang DiPertua.
6. Tarikh tutup tender ini ialah pada 07 Julai 2014 bersamaan hari Isnin jam 12.00 tengah hari.
7. Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta bertanda kenyataan tawaran di sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat seperti berikut :

   **Bahagian Bekalan & Perolehan,**
   **Jabatan Khidmat Pengurusan,**
   **Tingkat 6A, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,**
   **Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang.**
8. Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.

<< dari muka 16

# Lebuhraya Kinrara-Damansara: Penduduk dan pemaju perlu cari kata sepakat

Berdasarkan data yang diterima Selangor Kini, penduduk wilayah Petaling dijangka melonjak kepada 2.529 juta menjelang 2035, manakala Kuala Lumpur kepada 10.37 juta penduduk.

Komposisi penggunaan kenderaan persendirian mencecah 80 peratus di laluan Kuala Lumpur-Petaling dengan isipadu 200,000 kereta sehari.

Bandar-bandar penting seperti Subang Jaya dan Puchong mencatatkan pertambahan penduduk tertinggi (>10,000) bagi tempoh 2000-2010.

Secara prinsipnya, Kerajaan Negeri bersetuju kepada pembangunan prasarana lalu lintas bagi menampung keperluan pembangunan yang pesat dan pertambahan penduduk yang tinggi di Lembah Klang.

"Kerajaan Selangor berpendirian bahawa LLM sebagai badan berkanun yang bertanggungjawab mengawal selia lebuh raya bertol di Malaysia perlu memainkan peranan penting untuk memberi kefahaman yang mendalam kepada orang ramai, khususnya kepada penduduk di Petaling Jaya," jelas Abdul Khalid.

Kerajaan Negeri sebelum ini meminta MPBJ untuk mengatur pertemuan antara penduduk terjejas dan pihak pemaju untuk membincangkan lebuhraya kontroversi itu. Pertemuan itu bagaimanapun ditamatkan oleh penduduk sebelum penerangan bermula.

Selepas kejadiann itu, Abdul Khalid sekali lagi meminta penduduk dan pemaju untuk duduk berbincang, supaya kedua-dua pihak mendapat maklumat secukupnya sebelum menolak atau bersetuju dengan pembinaan lebuh raya itu, namun sehingga hari ini belum dilaksanakan.

"Kerajaan Selangor juga mohon kerjasama daripada semua supaya beri ruang terlebih dahulu kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk laksanakan tugas dan peranan mereka sebelum apa jua tindakan susulan diambil," katanya.

> **"Rakyat keliru atau dikelirukan oleh pihak yang berkepentingan sama ada yang menyokong atau menentang cadangan pembinaan lebuh raya ini. Justeru, kita perlu kembali kepada LLM sebagai sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kerja Raya**
>
> **ABDUL KHALID**
> Menteri Besar

## WAKTU SOLAT SELANGOR
### 13 - 20 Jun 2014
### 15 - 22 Sya'aban 1435H

**Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam**

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 Jumaat | 5:30 | 5:40 | 7:04 | 1:16 | 4:42 | 7:25 | 8:41 |
| 14 Sabtu | 5:31 | 5:41 | 7:04 | 1:16 | 4:42 | 7:25 | 8:41 |
| 15 Ahad | 5:31 | 5:41 | 7:04 | 1:16 | 4:42 | 7:25 | 8:41 |
| 16 Isnin | 5:31 | 5:41 | 7:04 | 1:17 | 4:42 | 7:26 | 8:41 |
| 17 Selasa | 5:31 | 5:41 | 7:05 | 1:17 | 4:43 | 7:26 | 8:42 |
| 18 Rabu | 5:31 | 5:41 | 7:05 | 1:17 | 4:43 | 7:26 | 8:42 |
| 19 Khamis | 5:31 | 5:41 | 7:05 | 1:17 | 4:43 | 7:26 | 8:42 |
| 20 Jumaat | 5:32 | 5:42 | 7:05 | 1:18 | 4:43 | 7:27 | 8:42 |

**Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat**

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 Jumaat | 5:32 | 5:42 | 7:06 | 1:18 | 4:44 | 7:27 | 8:43 |
| 14 Sabtu | 5:33 | 5:43 | 7:06 | 1:18 | 4:44 | 7:27 | 8:43 |
| 15 Ahad | 5:33 | 5:43 | 7:06 | 1:18 | 4:44 | 7:28 | 8:43 |
| 16 Isnin | 5:33 | 5:43 | 7:06 | 1:19 | 4:44 | 7:28 | 8:43 |
| 17 Selasa | 5:33 | 5:43 | 7:07 | 1:19 | 4:45 | 7:28 | 8:44 |
| 18 Rabu | 5:33 | 5:43 | 7:07 | 1:19 | 4:45 | 7:28 | 8:44 |
| 19 Khamis | 5:33 | 5:43 | 7:07 | 1:19 | 4:45 | 7:28 | 8:44 |
| 20 Jumaat | 5:34 | 5:44 | 7:07 | 1:20 | 4:45 | 7:29 | 8:44 |

JKR

## JABATAN KERJA RAYA
### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut:-

| Pejabat yang memanggil tender | Tajuk Projek (Pembiayaan)** | Taraf/Jenis Syarikat | Syarat Pendaftaran | Tempat & Tarikh Dokumen Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor** | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN DUA (2) BLOK TIGA (3) TINGKAT BANGUNAN TAMBAHAN, SEBUAH KANTIN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI SRA KEBUN BARU, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN<br><br>JKR/SEL(N)/ 019 (T)/ 2014 | Bumiputra T1 | CIDB<br><br>Gred : G6<br>Kategori : B<br>Pengkhususan: B04<br><br>Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.<br><br>Tarikh Dokumen Dijual:<br><br>**12/06/2014 (Khamis)**<br><br>Sehingga<br><br>**26/06/2014 (Khamis)** | **RM420.00**<br><br>(Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan)<br><br>Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor<br><br>**Pada: 03/07/2014 (Khamis)**<br><br>Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.<br><br>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan. |
| Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Pejabat Jurutera Daerah, JKR Kuala Langat. No. Tel: .03 31871025 | | | | | | |

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

***Jenis Syarikat Tempatan:**

- T1 Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
- A1 Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
- T2 Tidak berkenaan

## KENYATAAN SEBUTHARGA

Jurukur Berlesen di Negeri Selangor yang berdaftar dengan **LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA, UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN) SELANGOR dan JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR** bagi tahun 2014 adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga bagi melaksanakan kerja-kerja Pengukuran Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal untuk tujuan Pelan Akui seperti berikut

| NO. TAWARAN SEBUTHARGA | HUTAN SIMPAN | DAERAH HUTAN | ANGGARAN JARAK (KM) |
|---|---|---|---|
| PHN.SEL. (PH/UKUR) 01/2014 | Sungai Karang (Fasa II) | Pantai Klang | 18.7 |
| PHN.SEL. (PH/UKUR) 02/2014 | Bukit Belata Tambahan | Hulu Selangor | 23.5 |
| PHN.SEL. (PH/UKUR) 03/2014 | RantauPanjang (Fasa II) | Hulu Selangor | 20.9 |
| PHN.SEL. (PH/UKUR) 04/2014 | Ampang | Selangor Tengah | 11.7 |
| PHN.SEL. (PH/UKUR) 05/2014 | Ulu Gombak | Selangor Tengah | 5.75 |
| PHN.SEL. (PH/UKUR) 06/2014 | Kompleks JPNS (tujuan pewartaan) | Pantai Klang | 2.00 |

2. Dokumen Sebut harga boleh dibeli mulai 17 Jun 2014 pada waktu pejabat di Unit Hasil, Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Shah Alam dengan bayaran RM50.00 senaskah dimana bayaran hendaklah dibuat secara Wang Pos Malaysia atau Kiriman Wang (MO) atas nama Bendahari Negeri Selangor.
3. Jurukur perlu mengemukakan sijil asal pendaftaran Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bagi tahun 2014 yang masih sah tempohnya semasa membeli borang Sebut harga. Salinan fotostat tidakakan diterima.
4. Jurukur yang berminat adalah diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat pada 16 Jun 2014 (Isnin), jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dituliskan nombor Sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut dan dikembalikan kepada:-

**Pengarah**
JabatanPerhutananNegeri Selangor,
Tingkat 3, Podium Utara,
Bangunan SSAAS, 40660 Shah Alam, Selangor

Tarikh tutup sebutharga adalah pada **25 Jun 2014 (Rabu)** tepat **jam 12.00 Tengahari**

Selangor Kini

MASALAH SAMPAH?
Hubungi Talian Bebas Tol
1-800-88-2824

# LLM dipanggil beri penerangan

**LEMBAGA** Lebuhraya Malaysia (LLM) akan dipanggil untuk menerangkan kepada rakyat cadangan pembinaan Lebuhraya Kinrara-Damansara (Kidex) dan lebuh raya lain di Selangor.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata langkah ini perlu bagi merungkai pertikaman lidah antara penduduk di kawasan tertentu di Petaling Jaya dan pemaju Kidex Sdn Bhd.

Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MPBJ) tidak terlepas daripada ancaman berbaur politik daripada penentang Kidex, meskipun pelbagai undang-undang dan prosedur diletakkan sebelum lebuh raya itu boleh dibina.

"Rakyat keliru atau dikelirukan oleh pihak yang berkepentingan sama ada yang menyokong atau menentang cadangan pembinaan lebuh raya ini. Justeru, kita perlu kembali kepada LLM sebagai sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab mengawal selia pembangunan dan pengurusan lebuh raya bertol di Malaysia," kata Abdul Khalid.

Lebuh raya kontroversi itu menghubungkan Damansara di utara dan Puchong di selatan merentasi Petaling Jaya. Pemaju mendakwa lebuh raya itu boleh mengurangkan waktu perjalanan sehingga 25 peratus dan meringankan jumlah trafik sebanyak 50 peratus.

Warga Petaling Jaya di kawasan-kawasan tertentu berkata pembinaan lebuhraya itu menjejaskan kualiti kehidupan.

**lihat muka 15 >>**



**MELANGKAH KE ALAM DEWASA...** Adun Meru, Dr Rani Osman (berbaju hijau), tersenyum melihat gelagat kanak-kanak yang kesejukan apabila disembur air pancut sebelum dikhatankan dalam Program Berkhatan Perdana KRT Taman Desa Indah, Meru

# KIDEX: Selangor berhak persoal jika tak beri manfaat

OLEH **AFEEQA AFEERA**

**SHAH ALAM -** Kerajaan Negeri berhak mempertikaikan pembinaan Lebuh Raya Kinrara-Damansara (KIDEX) sekiranya ia tidak memberi manfaat yang besar kepada penduduk, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau berkata persetujuan kepada pembinaan lebuh raya berkenaan hanya dari segi prinsip dan Kerajaan Negeri akan memantau segala aspek terutama dari sudut pengurangan trafik serta impak sosial.

"Kita hanya beri kelulusan dari segi prinsip, manakala Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) menunjuk jalan lingkaran yang hendak dibina sebagai sistem penyebaran trafik.

> Saya yakin LLM akan memberi penjelasan terbaik berhubung isu berkenaan kerana mereka sudah mempunyai pengalaman dalam pembinaan lebuh raya di negara ini
>
> **ABDUL KHALID**
> Menteri Besar

"Persetujuan ini bergantung kepada kos, penilaian trafik serta penilaian impak kepada masyarakat dan keadaan alam sekitar," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco, baru-baru ini.

Abdul Khalid berkata segala persoalan yang berbangkit mengenai lebuh raya berkenaan akan dijelaskan oleh LLM kerana ia tertakluk di bawah bidang kuasa badan berkenaan.

Bagaimanapun beliau yakin LLM akan memberi penjelasan terbaik berhubung isu berkenaan kerana mereka sudah mempunyai pengalaman dalam pembinaan lebuh raya di negara ini.

"Kebanyakan orang melihat kepada Kidex sahaja, sedangkan mereka patut lihat secara keseluruhan.

"Sekarang kita panggil LLM yang menentukan sama ada lebuh raya itu perlu dibuat, dan kalau mengikut kajian sesuai untuk dilaksanakan," katanya lagi.




Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan
Dicetak oleh Percetakan Turbo (M) Sdn Bhd (140879-U), No. 8, Jalan Sekinchan 26/9, Seksyen 26, Shah Alam, Selangor. Telefon: 03-51929800 Faks: 03-51929819